

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : LAWATAN KE NEGERI SELANGOR
Lokasi : NEGERI SELANGOR
Tarikh : 16-11-1996

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Haji Hashim Meon serta semua pegawai dan kakitangan yang telah sudi menerima saya dalam lawatan ke Negeri Selangor pada hari ini. Taklimat oleh Y.B. Dato' tadi amatlah komprehensif dan informatif terutamanya dalam usaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan melaksanakan program-program pembangunan serta membawa pembaharuan pentadbiran secara menyeluruh di negeri ini. Di sini saya ingin mengingatkan bahawa kelancaran jentera pelaksana negeri amatlah penting untuk menjamin agar Kerajaan Negeri dapat meneruskan program pembangunannya dengan jayanya berdasarkan peruntukan yang telah disediakan.

Cabaran Perkhidmatan Awam Masa Depan 2. Cabaran terhadap Perkhidmatan Awam banyak berpunca daripada kepesatan pembangunan negara serta ekspektasi kepimpinan negara dalam meneruskan komitmen menyediakan Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Di antaranya adalah: (i) Penuhungan Multi-Media Super Highway; (ii) Pusat Pentadbiran Putra Jaya; (iii) Program Pembaharuan Dalam Perkhidmatan Awam - Electronic Government, MS ISO 9000, Pengurangan Saiz Perkhidmatan Awam, Pengwujudan Tenaga Pengurusan dan Mahir yang cekap dalam setiap lapangan; dan (iv) Penerapan Budaya Kualiti dan "Paradigm Shift".

1. Program Pembangunan dan Kemudahan Awam Ketua-Ketua jabatan dan agensi Persekutuan dan Negeri hendak sentiasa peka terhadap perlunya dasar-dasar pembangunan Kerajaan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri. Prestasi Perkhidmatan Awam sering dilihat pada keupayaan setiap jabatan dan agensi Kerajaan untuk melaksanakan sebaik-baiknya projek dan program pembangunan Kerajaan.

Pentadbiran Negeri hendaklah menjalankan pengawasan teliti agar pelaksanaan projek-projek dapat diselaraskan mengikut jadual serta menepati spesifikasi dan objektif yang ditetapkan, peruntukan dibelanja dan dikawal sebaik-baiknya, dan sentiasa menitikberatkan aspek kualiti di setiap peringkat pengawasan dan perlaksanaannya. Pemeriksaan di kawasan projek harus dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan tiada penyelewengan dari segi mematuhi spesifikasi, melaksana mengikut jadual dan menepati syarat-syarat kontrak.

2. Akauntabiliti dan Kelemahan Pengurusan Kewangan Masalah akauntabiliti dan kelemahan pengurusan kewangan telah banyak dicatitkan dalam Laporan-laporan Tahunan Ketua Audit Negara. Ia menjadi bertambah rumit lagi kerana masih terdapat beberapa jabatan dan agensi yang tahap akauntabiliti dan ketelusannya belum betul-betul mantap. Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah sentiasa peka kepada keperluan dan kehendak pengauditan Persekutuan. Penekanan terhadap kegagalan menyediakan penyata akaun jabatan diberi kerana berlakunya beberapa penyelewengan besar beberapa negeri tertentu baru-baru ini. Pegawai-Pegawai Pengawal dan Ketua-Ketua Jabatan perlu terus berusaha memantapkan budaya akauntabiliti dan ketelusan dalam urusan perakaunannya.

3. Produktiviti dan Imbuan Kerajaan sentiasa sensitif terhadap jurang pendapatan yang wujud di antara sektor awam dan sektor swasta dan berhasrat mengurangkan jarak perbezaan ini di masa depan. Selaras dengan program pembaharuan pengurusan serta meluasnya penggunaan komputer dan teknologi maklumat, kemungkinan beberapa jawatan rendah di jabatan dapat dimansuhkan. Simpanan terkumpul daripada langkah ini bolehlah diagihkan untuk mewujudkan beberapa jawatan baru di peringkat pengurusan serta menaikkan gaji dan elaun setimpal dengan tahap produktiviti yang dihasilkan.

4. Penerapan Nilai-Nilai Positif Pencapaian kualiti dan mutu produktiviti sesebuah organisasi atau orang perseorangan tidak mungkin dikekalkan di tahap tinggi sekiranya penekanan tidak diberi kepada Kualiti. Perkhidmatan Awam telah melancarkan prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) yang bermatlamat untuk mengubahkan "outlook" dan mewujudkan suasana tempat bertugas yang sentiasa menitikberatkan kualiti. Selain dari mengamalkan budaya kualiti secara berterusan, pihak pengurusan perlu pada

sepanjang masa merancang dan mengambil tindakan memperbaiki proses-proses kerja supaya tahap kualiti yang dihasilkan semakin meningkat dan selaras dengan kehendak-kehendak pelanggan yang kian kompleks. Pengamalan ciri-ciri positif dan budaya kualiti dapat menyediakan individu atau organisasi untuk lebih reseptif kepada pembaharuan dan cabaran-cabaran baru dalam mempertingkatkan tahap pengurusan dan perkhidmatan.

5. MS ISO 9000 Standard kualiti antarabangsa MS ISO 9000 mampu menjadi tunggak kepada peningkatan pengurusan yang bertahap tinggi dalam Perkhidmatan Awam. Kerajaan memutuskan bahawa menjelang 2000, sistem pengurusan kualiti di semua agensi Kerajaan hendaklah berasaskan standard MS ISO 9000. Ini bermakna bahawa dalam abad ke-21 nanti, Perkhidmatan Awam berupaya menghasilkan produk atau perkhidmatan yang mempunyai tahap kualiti bertaraf antarabangsa. MAMPU juga telah menerbitkan satu buletin baru yang dinamakan "FORUM MS ISO 9000", yang telah dilancarkan secara rasmi pada 7 November, 1996.

Sebagai galakan, agensi-agensi yang di dapati memenuhi semua keperluan MS ISO 9000 diberi Sijil MS ISO 9000 Perkhidmatan Awam Malaysia atau Sijil Kualiti Perkhidmatan Awam. Di samping itu, penilaian prestasi mengenai pencapaian MS ISO 9000 diseluruh agensi akan dibuat melalui laporan audit.

Pengauditan akan mula dijalankan dalam bulan Julai 1997 iaitu setelah agensi-agensi Kerajaan melaksanakan MS ISO 9000 sekurang-kurangnya 6 bulan.

Di sini saya ingin menyarankan agar Ketua-Ketua Jabatan memahami konsep MS ISO 9000 agar dapat menyalurkan pengetahuan dan nasihat untuk dilaksanakan oleh segenap lapisan kakitangan di jabatan dan agensi masing-masing.

6. Electronic Government Kerajaan sedang berusaha melaksanakan kemodenan saluran pelbagai Multimedia Super Corridor (MSC) melalui pembangunan Electronic Government.

Pelaksanaannya akan bermula dengan pembangunan sistem berkomputer di Pejabat Perdana Menteri setelah ianya berpindah ke Putra Jaya dan seterusnya berkembang ke semua bahagian di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Electronic Government merupakan salah satu dari lapan sistem aplikasi utama yang dipanggil "flagships" di dalam Multimedia Super Corridor, dan akan menjadi tulang belakang dalam pembangunan sektor perkhidmatan negara. Penubuhan Electronic Government bertujuan memastikan pentadbiran Kerajaan menggunakan teknologi terkini dan bersesuaian dengan keperluan negara. Ia juga melibatkan pembangunan berbagai rangkaian multimedia yang akan membantu dalam mewujudkan pentadbiran yang kurang bergantung kepada penggunaan kertas.

Rangkaian tersebut juga akan menghubungkan Putra Jaya dengan Kementerian-Kementerian dan agensi Kerajaan yang berada di luar MSC.

7. Penggunaan Teknologi Maklumat Perkhidmatan Awam juga sedang berusaha mencapai keupayaan penggunaan teknologi maklumat selain pengwujudan Electronic Government sebagai usaha untuk mencapai matlamat paperless bureaucracy dalam pengurusan pejabat serta berurusan dengan pihak swasta dan orang awam. Walaupun teknologi maklumat telah digunakan oleh pihak pengurusan dalam membuat perancangan, pengesanan, pengawalan dan membuat keputusan, ruang untuk penambakan sistem dan prosedur masih luas. Di antara tumpuan utama adalah pelaksanaan program pengkomputeran di agensi-agensi Kerajaan dan pelaksanaan Rangkaian Bersepadu Telekomunikasi Kerajaan atau "Government Integrated Telecommunications Network (GITN)". Selain itu juga, terdapat juga sistem mempertingkatkan kaedah pengurusan perakaunan dan orang awam termasuklah "Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)", Electronic Data Interchange (EDI)" dan "Public Services Network (PSN)".

8. Persyarikatan Malaysia Sektor awam sebagai pelaksana dasar Kerajaan hendaklah sentiasa meninjau cara-cara terbaik untuk meneruskan kerjasama dengan sektor swasta berlandaskan kepada konsep Persyarikatan Malaysia.

Beberapa mekanisma telah diwujudkan termasuklah penubuhan Jawatankuasa Persyarikatan Malaysia Peringkat Pegawai, yang mana dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Kerjasama sektor awam - sektor swasta diperingkat negeri harus dimanfaatkan melalui peningkatan mutu perkhidmatan awam serta mempelajari budaya kerja dalam syarikat-syarikat terkemuka.

Akhirkata, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua anggota perkhidmatan awam Selangor Darul Ehsan yang sentiasa memberi penekanan terhadap tugas harian. Objektif dan peranan pentabdiran Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam keseluruhannya sepertimana yang telah dimaklumkan pada taklimat pada hari ini adalah amat membanggakan.